

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1987/88

AKP301: Perakaunan Kewangan III

Tarikh: 4 April 1988

Masa: 2.15 petang - 5.15 petang  
(3 jam)

---

Jawab SATU dari dua soalan di Bahagian A dan TIGA dari empat soalan dari Bahagian B. Jumlah soalan yang mesti dijawab ialah EMPAT. Jangan melebihi 45 minit bagi setiap soalan.

BAHAGIAN A

1. Palmco Berhad menjemput orang ramai membeli 55,000 saham biasa bernilai \$1.00 setiap saham dengan premium sebanyak 10 sen tiap-tiap satu saham. Cara bayarannya ialah:

40 sen pada masa permohonan  
30 sen pada masa perumpukan (termasuk premium)  
40 sen pada masa panggilan

---

\$1.10

---

Permohonan diterima bagi 70,000 saham dan jemaah pengarah telah menyelesaikan perkara ini seperti berikut:

untuk permohonan bagi 45,000 saham, umpukkan sepenuhnya.  
untuk permohonan bagi 5,000 saham, tidak diumpukkan.  
untuk permohonan bagi 20,000 saham (1 saham bagi tiap-  
tiap 2 saham yang dipohon)

Wang permohonan dan perumpukan telah diterima kesemuanya. Apabila panggilan dibuat seorang ahli yang memegang 1,000 saham telah tidak membayar wang panggilan. Kesemua saham itu telah dirampas dan diterbitkan semula dengan harga \$1.20 tiap-tiap satu.

...2/-

Dikehendaki

(a) menyediakan catitan jurnal bagi urusniaga di atas.

(20 markah)

(b) senaraikan syarat-syarat penebusan saham terutama boleh tebus mengikut Akta Syarikat 1965.

(5 markah)

2. Pada 1hb Januari 19X7 Syarikat MISC telah menerbitkan \$90,000, 6% debentur. Surat ikatan amanah debentur telah memberi peruntukan bagi perkara-perkara berikut:

- (A) bunga atau faedah debentur hendaklah dibayar pada 30hb Jun dan 31hb Disember.
- (B) satu dana terikat bagi tujuan penebusan debentur hendaklah diadakan dengan pengagihan tahunan sebanyak \$1,500 dan bersama-sama dengan bunga atau faedah diterima daripada pelaburan dana terikat dilaburkan pada tiap-tiap 31hb Disember pada tiap-tiap tahun dan
- (C) pelaburan dana terikat boleh dijual pada bila-bila masa untuk membeli debentur di pasaran terbuka pada atau bawah tara.

Maklumat berikut telah diberikan:

- (i) baki dana terikat pada 1hb Januari 19X7 ialah \$8,000
- (ii) pelaburan dana terikat telah dijualkan pada 1hb Mac dengan harga \$950 (kos \$925) dan hasil dari jualan itu telah digunakan untuk membeli debentur yang mempunyai nilai nominal \$1,000.
- (iii) bunga di atas pelaburan dana terikat bagi tahun berakhir 31hb Disember berjumlah \$450 dan pada tarikh itu, dana yang ada telah dilaburkan.  
(Abaikan cukai)

...3/-

Dikehendaki:

Menyediakan akaun-akaun berikut bagi tahun berakhir 19X7

- (a) Debentur 6%
- (b) Dana Terikat
- (c) Pelaburan Dana Terikat
- (d) Penebusan Debentur

(25 markah)

BAHAGIAN B

3. Perbandingan kunci kira-kira bagi Syarikat Petronas dan Carigali sejurus sebelum percantumannya pada 31hb Disember 19X1 adalah seperti berikut:

	<u>Petronas</u>	<u>Carigali</u>
Aset semasa	\$130,000	\$ 60,000
Tanah	50,000	100,000
Bangunan (selepas susutnilai)	300,000	100,000
Peralatan (selepas susutnilai)	220,000	240,000
	-----	-----
	\$700,000	\$500,000
	-----	-----
Liabiliti semasa	50,000	60,000
Saham biasa, \$10 nilai tara	500,000	200,000
Premium saham	50,000	140,000
Perolehan tertahan	100,000	100,000
	-----	-----
	\$700,000	\$500,000
	=====	=====

Pada 2hb Januari, 19X2, Syarikat Petronas telah menerbitkan 40,000 sahamnya yang mempunyai nilai pasaran \$15 setiap saham untuk kesemua saham Carigali di pasaran dan Carigali telah dibubarkan.

Nilai buku yang dicatitkan adalah sama dengan nilai pasaran sederhana kecuali bagi bangunan Petronas yang mempunyai nilai pasaran sederhana sebanyak \$400,000 dan aset semasa carigali yang mempunyai nilai pasaran sederhana sebanyak \$100,000.

...4/-

Petronas membayar perbelanjaan yang berikut berhubung dengan percantuman itu:

kos pendaftaran dan penerbitan saham	\$15,000
kos langsung yang berhubung dengan percantuman	25,000
	-----
	\$40,000
	=====

Dikehendaki:

- (a) menyediakan catitan jurnal (gabungan) dan kunci kira-kira Petronas selepas percantuman dengan Carigali jika gabungan perniagaan itu dianggap sebagai

(i) belian (purchase)

(10 markah)

(ii) kepentingan yang dikumpulkan (pooling of interest)

(10 markah)

- (b) Terangkan dengan jelas perbezaan di antara kaedah "belian" dan "kepentingan yang dikumpulkan" (tidak payah nyatakan keadaan-keadaan yang memestikan penggunaan kaedah "kepentingan yang dikumpulkan").

(5 markah)

4. Syarikat ESSO Malaysia Bhd. membeli 70% kepentingan Syarikat Cu Ai Bhd. pada 1hb April 19X3 dengan membeli 28,000 daripada 40,000 saham Cu Ai di pasaran terbuka pada harga \$8 setiap satu. Kos tambahan membeli saham terdiri daripada \$5,000 yuran broker dan \$5,000 yuran perundangan dan penasihat. Kunci kira-kira Syarikat Cu Ai pada 1hb Januari dan 1hb April 19X3, adalah diringkaskan seperti berikut:

...5/-

[AKP 301]

	<u>1 Jan 19X3</u> <u>(Nilai Buku)</u>	<u>1 April 19X3</u> <u>(Nilai Buku)</u>	<u>1 April 19X3</u> <u>(Nilai pasaran sederhana)</u>
Tunai	\$ 80,000	\$ 90,000	\$ 90,000
Inventori	70,00	120,000	100,000
Aset semasa lain	50,000	40,000	40,000
Tanah	60,000	60,000	100,000
Peralatan (selepas susutnilai)	200,000	190,000	270,000
Jumlah aset	\$460,000	\$500,000	\$600,000
Pembiutang	\$ 90,000	\$ 80,000	\$ 80,000
Liabiliti lain	30,000	40,000	40,000
Modal saham(\$5 par)	200,000	200,000	
Perolehan tertahan	140,000	140,000	
Untung bersih	-	40,000	480,000
Jumlah ekuiti dan liabiliti	\$460,000	\$500,000	\$600,000

Maklumat tambahan

- (i) inventori yang terlebih dinilaikan dijual pada September 19X3.
- (ii) peralatan yang terkurang dinilaikan mempunyai 4 tahun lagi jangkamasa penggunaannya bermula daripada 1hb April 19X3.
- (iii) untung bersih Syarikat Cu Ai Berhad bagi tahun 19X3 ialah \$160,000 (\$120,000 daripada 1hb April hingga 31hb Disember, 19X3.)
- (iv) Pada 1hb Disember 19X3, Cu Ai Bhd mengisyiharkan dividen sebanyak \$2 setiap saham yang akan dibayar pada 10hb Januari, 19X4.
- (v) lain-lain aset Cu Ai Bhd yang tidak disebutkan hendaklah dilunaskan di sepanjang 10 tahun.

...6/-

Dikehendaki

- (a) menyediakan jadual yang menunjukkan pembahagian perbezaan di antara kos pelaburan dan nilai buku aset bersih yang diperolehi kepada aset-aset Cu Ai Bhd.
- (10 markah)
- (b) kirakan pendapatan daripada Cu Ai Bhd yang diperolehi oleh syarikat ESSO Malaysia Bhd bagi tahun 19X3.
- (5 markah)
- (c) kirakan baki pelaburan di dalam Cu Ai Bhd pada 31hb Disember, 19X3 di dalam Buku ESSO Malaysia Bhd.
- (5 markah)
- (d) mengapakah kaedah perakaunan ekuiti bagi pelaburan disebut sebagai 'one-line consolidation' (gabungan di satu garisan)?
- (5 markah)
5. Pada 1hb Januari 19X7 H Bhd. membeli 75% saham yang diterbitkan oleh S Bhd. dengan harga \$95,000. Kunci kira-kira S Bhd. pada tarikh ini menunjukkan maklumat yang berikut:
- |  |           |
|--|-----------|
| Modal yang telah dibayar dan diterbitkan | \$100,000 |
| Rezab                                    | 10,000    |
| Perolehan tertahan                       | 12,000    |
- Pada 31hb Disember 19X8, kunci kira-kira kedua-dua syarikat menunjukkan maklumat yang berikut:
- |  | <u>H Bhd.</u> | <u>S Bhd.</u> |
|--|---------------|---------------|
| Modal yang telah dibayar dan diterbitkan | \$500,000     | \$100,000     |
| Rezab                                    | 20,000        | 12,000        |
| Perolehan tertahan                       | 10,000        | 20,000        |
| 10% debentur                             | -             | 40,000        |
| Dividen belum bayar                      | 50,000        | 10,000        |
| Hutang kepada H Bhd.                     | -             | 5,000         |
| Liabiliti semasa lain                    | 20,000        | 13,000        |
| -----                                    | -----         | -----         |
|  | 600,000       | 200,000       |
| -----                                    | -----         | -----         |
|  | ...7/-        |               |

[AKP 301]

Pelaburan (saham) di dalam S Bhd.	90,500	-
Debentur di dalam S Bhd	10,000	-
Pinjaman kepada S Bhd	5,000	-
Aset lain	494,500	200,000
	-----	-----
	600,000	200,000
	=====	=====

Pada tarikh yang sama (31hb Disember 19X8), rekod-rekod H dan S bhd menunjukkan yang berikut:

	<u>H Bhd.</u>	<u>S Bhd.</u>
Jualan	\$330,000	\$125,000
Belian	180,000	74,000
Stok, 1hb Januari 19X8	4,750	6,000
Stok, 31hb Disember 19X8	10,000	5,000
Bunga debentur dibayar	-	4,000
Dividen interim dibayar	25,000	5,000
Dividen terakhir dicadangkan	50,000	10,000
Perolehan tertahan, 1hb Januari 19X8	15,000	15,000
Perbelanjaan cukai pendapatan	60,000	15,000
Perbelanjaan jualan dan pentadbiran	30,000	11,000
Pendapatan di terima	4,750	

Maklumat tambahan

- (i) Dividen dicadangkan adalah daripada keuntungan semasa.
- (ii) Di dalam tahun 19X7, \$6,000 rezab sebelum perolehan telah digunakan untuk membayar dividen. Tiada dividen yang lain yang telah dibayar melalui rezab atau keuntungan sebelum perolehan.
- (iii) Termasuk di dalam "aset lain" H Bhd. ialah inventori yang dibeli daripada S Bhd. dengan harga \$5,000 dan S telah mencatatkan keuntungan sebanyak \$1,000 dengan jualan ini.
- (iv) Dalam tahun 19X8, S Bhd. telah menjual inventori yang bernilai \$35,000 kepada H Bhd.

Dikehendaki:

Sediakan gabungan kunci kira-kira dan akaun untung rugi bagi tahun 19X8.

(25 markah)

...8/-

[AKP 301]

6. Berikut ialah imbalan duga bagi Kilat Bhd pada 31hb Disember 19X1.

	<u>Debit (\$)</u>	<u>Kredit (\$)</u>
Modal saham biasa		180,000
Modal saham utama		200,000
Pelaburan (nilai kos):		
disenaraikan	66,000	
tidak disenaraikan	149,000	
Tanah dan bangunan hak bebas (nilai kos)	162,050	
Kenderaan (nilai kos)	25,500	
Loji dan mesin (nilai kos)	195,000	
Jualan kenderaan		450
Premium saham biasa		18,000
Debentur (9%) (dengan cagaran)		80,000
Rezab Am		40,000
Peruntukan susutnilai pada 31/12/19X0:		
Tanah dan bangunan hak bebas	16,100	
Loji dan mesin	69,150	
Kenderaan	10,500	
Overdraf Bank	21,170	
Pembiutang	39,050	
Baki Akaun Perniagaan(untung kasar)	117,140	
Bayaran juruaudit	850	
Penghutang	60,740	
Peruntukan Cukai		500
Baki Akaun Untung Rugi (Untung Bersih)		36,460
Pendapatan (Kasar) dari pelaburan:		
disenaraikan		3,100
tidak disenaraikan		8,460
Perbelanjaan pentadbiran	21,590	
Belanja Bank	2,300	
Ganjaran pengarah-pengarah	13,700	
Faedah Debentur	7,200	
Dividen: Saham utama	7,000	
Dividen: saham biasa	9,000	
Stok (pada 31/12/19X1)	120,150	
	\$840,080	\$840,080
	=====	=====
		...9/-

Maklumat-Maklumat Tambahan:

- (i) Modal saham yang dibenarkan adalah seperti berikut: 200,000 unit, 7% saham utama boleh ditebus, nilai seunit \$1.00. Saham utama tersebut boleh ditebus pada nilai par pada 1/1/19X7. Kesemua saham telah dibayar penuh.
- (ii) Termasuk dalam jumlah penghutang adalah sejumlah \$2,000 yang merupakan pinjaman tanpa faedah yang diberi kepada seorang pengarah syarikat.
- (iii) Sejumlah hutang lapuk sebanyak \$540 telah dihapuskan. Peruntukan hutang lapuk sebanyak \$3,000 hendaklah dikekalkan.
- (iv) Susutnilai bagi tahun 19X1 adalah seperti berikut:  
Tanah dan bangunan bak bebas - 2% pada kos  
Loji dan mesin - 10% pada kos  
Kenderaan - 20% pada kos
- (v) Kenderaan yang dijual:  
- nilai buku pada 1/1/19X1: \$ 700  
- hasil jualan pada tarikh yang sama \$ 450  
- kos asalnya \$1,500  
Tiada catitan dibuat lagi berkenaan jualan ini, kecuali hasil jualan.
- (vi) Cukai pendapatan bagi 19X1 dianggarkan: \$20,500
- (vii) Nilai pasaran terhadap:  
- pelaburan disenaraikan \$ 95,000  
- pelaburan tidak disenaraikan \$160,000
- (viii) Baki dividen saham utama, telah dibayar.
- (ix) Bagi dividen saham biasa, jumlah akhir yang dicadangkan ialah 10%.
- (x) \$10,000 telah dipindahkan kepada rezab am.

...10/-

[AKP 301]

Dikehendaki

- (a) Akaun untung rugi untuk tahun 19X1 bagi tujuan penerbitan mengikut Akta Syarikat 1965. Tunjukkan bagaimana keuntungan daripada perniagaan (untung bersih) didapati.

(15 markah)

- (b) Tunjukkan pembentangan Aset tetap di kunci kira-kira bagi tujuan penerbitan.

(5 markah)

- (c) Apakah definasi penyata kewangan menurut IAS dan IAG?

(5 markah)